

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 telah menarik perhatian beberapa pihak, negara dan anggota pertubuhan antarabangsa termasuklah juga media antarabangsa.
3. Mereka menyifatkan tindakan Kerajaan Malaysia sebagai menyekat kebebasan bersuara dan hak asasi manusia rakyat Malaysia. Tindakan ini juga tidak selaras dengan prinsip kesederhanaan yang dipromosikan dan ditekankan oleh Kerajaan Malaysia di arena antarabangsa. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa pandangan seperti ini adalah sesuatu yang biasa diutarakan oleh pihak asing.
4. Setiap undang-undang digubal atau dipinda oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk kebaikan rakyat dan negara. Pindaan yang telah dilakukan terhadap Akta Hasutan bertujuan untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan di antara pelbagai kaum, agama dan budaya di Malaysia. Ini juga bertujuan untuk mengekalkan kestabilan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

5. Sehubungan itu, Kementerian Luar Negeri telah memanjangkan maklumat mengenai tindakan Kerajaan mengekalkan dan mengukuhkan Akta Hasutan 1948 kepada kesemua Perwakilan Malaysia di luar negara bertujuan memberi penjelasan dan penerangan mengenai perkara tersebut kepada pihak asing yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.